

Headline **Kayuh basikal sebar bahaya Aids**
Date **01 Jan 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U14**
Article Size **352 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,936**
PRValue **5,808**



■ Dalton (kiri) dan Kelvin disambut oleh Pengarah HSB, Dr Juita Ghazalie (tiga, kanan), ibu Ooi Mei Choo (dua, kiri) dan bapa mereka, Henry Low Chow Huat (tiga, kiri), sebaik tiba di pekarangan HSB.

Kayuh basikal sebar bahaya Aids

Headline **Kayuh basikal sebar bahaya Aids**
Date **01 Jan 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U14**
Article Size **352 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,936**
PRValue **5,808**

ALOR SETAR- Pengetahuan orang ramai tentang bahaya penyakit yang menjadi musuh negara iaitu HIV/Aids sememangnya kurang didedahkan terutama kepada penduduk di kawasan luar bandar.

Inisiatif dan pendekatan telah diambil oleh adik beradik daripada negeri Perak yang menjelajah selama 15 hari dengan menaiki basikal untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam tentang HIV/Aids.

Rasa tanggungjawab itu telah diambil oleh Kelvin Low, 24, dan adiknya, Dalton, 20, yang memulakan penjelajahan pada 16 Disember lalu dan tiba di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) pada 2.30 petang, kelmarin.

Kelvin Low berkata, penjelajahan mereka itu melibatkan beberapa hospital di negeri lain seperti Pulau Pinang, Perlis, Kuantan dan mereka turut menyampaikan maklumat itu kepada penduduk di kawasan kampung.

"Kesedaran untuk menyampaikan maklumat ini kepada orang ramai timbul setelah saya melihat pengetahuan orang ramai mengenai HIV/Aids adalah kurang, jadi saya

menggunakan pendekatan ini untuk berkongsi maklumat bersama mereka.

"Orang ramai terutama yang tinggal di kawasan luar bandar bukan sahaja kurang pengetahuan tentang jangkitan HIV/Aids malahan mereka juga jarang membuat pemeriksaan kesihatan di hospital," katanya kepada media di HSB.

Kelvin Low yang merupakan pegawai di Jabatan Farmasi HSB berkata, inisiatif mengadakan ceramah kesihatan dan HIV/Aids daripada klinik tempatan perlu diadakan untuk disampaikan kepada orang ramai.

Dia berkata, pendekatan yang sama juga perlulah diambil oleh pihak media untuk menyampaikan kepada masyarakat mengenai bahaya dan jangkitan HIV/Aids. Menurutnya, dia dan adiknya sememangnya berpuas hati dengan penjelajahan

yang dilakukan walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai kesukaran dan halangan di sepanjang perjalanan mereka.

"Sepanjang perjalanan saya dan Dalton terpaksa meredah hujan sehinggakan adik saya demam namun

Headline **Kayuh basikal sebar bahaya Aids**
Date **01 Jan 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **U14**
Article Size **352 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,936**
PRValue **5,808**

kami tetap meneruskan kayuhan untuk memastikan objektif aktiviti ini dapat dicapai.

"Halangan lain yang kami terpaksa tempuhi adalah apabila mendaki bukit di beberapa kawasan seperti di Grik, Kota Tinggi dan Mersing," katanya.

Sementara itu, bagi Dalton yang merupakan pelajar jurusan veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) berasakan bangga kerana dapat bersama-sama abangnya menyampaikan mesej mengenai HIV/Aids.

Dalton berkata, walaupun sebelum ini mereka tidak pernah mengayuh basikal pada jarak yang jauh dan hanya mengayuh basikal untuk ke sekolah dahulu namun mereka tetap berusaha untuk menamatkan penjelajahan.

Menurutnya, misi yang dilaksanakan itu akan menjadi kenangan yang tidak akan dapat dilupakan bersama Kelvin.

"Saya juga berharap dengan mesej yang disampaikan kepada orang awam itu akan dijadikan sebagai dorongan kepada orang ramai untuk lebih mengambil berat menjaga kesihatan mereka," katanya.